



SIARAN MEDIA

Media Release

INDEKS HARGA PENGGUNA
Consumer Price Index
(Jan 2015=100)

JANUARI 2023
JANUARY 2023



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

INDEKS HARGA PENGGUNA
JANUARI 2023
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAJUK UTAMA:

INDEKS HARGA PENGGUNA (IHP) MENURUN SEBANYAK 0.7 PERATUS BAGI BULAN JANUARI 2023 BERBANDING DISEMBER 2022

1. Bagi bulan Januari 2023, Indeks Harga Pengguna (IHP) menurun sebanyak 0.7 peratus bulan-ke-bulan berbanding dengan bulan Disember 2022. Ini adalah disebabkan oleh penurunan kumpulan Bukan Makanan sebanyak 0.9 peratus. Walau bagaimanapun, kumpulan Makanan dan Minuman Ringan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.3 peratus.
2. Penurunan bulan-ke-bulan bagi kumpulan Bukan Makanan adalah disumbangkan oleh Pengangkutan 3.9 peratus; Rekreasi dan Kebudayaan 1.3 peratus; dan Perhubungan 0.1 peratus. Penurunan bagi pengangkutan adalah didorong oleh penurunan harga tiket penerbangan. Manakala, kenaikan kumpulan Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan harga Sayur-Sayuran, Ikan dan Makanan Laut dan Beras dan Bijirin.
3. Bagi perubahan tahun-ke-tahun, IHP meningkat sebanyak 1.4 peratus berbanding dengan bulan Januari 2022. Peningkatan ini adalah didorong oleh peningkatan kumpulan harga Makanan dan Minuman Ringan, dan kumpulan harga Bukan Makanan masing-masing sebanyak 4.8 peratus dan 0.6 peratus.
4. Peningkatan tahun-ke-tahun bagi harga kumpulan Makanan dan Minuman Ringan adalah disebabkan oleh kenaikan harga seperti Daging 9.5 peratus; Beras dan Bijirin 6.6 peratus; dan Ikan dan Makanan Laut 5.6 peratus. Harga daging ayam, iaitu penyumbang utama kepada kenaikan harga Daging, meningkat disebabkan oleh peningkatan kos makanan ternakan ayam. Peningkatan harga Beras dan Bijirin adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga bahan-bahan mentah bagi kek, pastri dan biskut. Manakala, peningkatan harga Ikan dan Makanan Laut pula adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga udang segar.
5. Peningkatan harga di dalam kumpulan Bukan Makanan pula adalah didorong oleh Pelbagai Barang dan Perkhidmatan sebanyak 4.8 peratus; Restoran dan Hotel 4.4 peratus; dan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain 2.2 peratus.
6. Kenaikan harga kumpulan Pelbagai Barang dan Perkhidmatan adalah terutamanya disebabkan oleh harga insurans kenderaan yang dipengaruhi oleh harga pasaran kereta. Di samping itu, peningkatan bagi kumpulan Restoran dan Hotel adalah disebabkan oleh kenaikan harga perkhidmatan katering berkontrak. Manakala, harga kumpulan Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain menunjukkan peningkatan disebabkan oleh kenaikan kadar sewa kediaman.

7. IHP mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperolehi melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Januari 2023 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



INDEKS HARGA PENGGUNA

JANUARI 2023

Bulan-ke-Bulan

Januari 2023 /
Disember 2022

0.7%

Tahun-ke-Tahun

Januari 2023 /
Januari 2022

1.4%

Bulan-ke-Bulan



Tahun-ke-Tahun



Nota

- IHP mengukur perubahan harga purata bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh isirumah pada waktu yang tertentu.
- Perubahan bulan-ke-bulan bermaksud perbandingan harga dengan bulan sebelumnya.
- Perubahan tahun-ke-tahun bermaksud perbandingan harga dengan tahun sebelumnya.

Penyumbang Utama Tahun-ke-Tahun

Makanan

4.8%

Daging



Beras dan Bijirin



Ikan dan Makanan Laut



Bukan Makanan

0.6%

Restoran dan Hotel



Pelbagai Barang dan Perkhidmatan



Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api Lain





MEDIA RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

CONSUMER PRICE INDEX
JANUARY 2023
BRUNEI DARUSSALAM

MAIN HEADLINE:

CONSUMER PRICE INDEX (CPI) DECREASED BY 0.7 PER CENT IN JANUARY 2023 AS COMPARED TO DECEMBER 2022

1. *In January 2023, the Consumer Price Index (CPI) month-on-month decreased by 0.7 per cent as compared to December 2022. This was contributed by the decrease in Non-Food group by 0.9 per cent. However, Food and Non-Alcoholic Beverages group increased by 0.3 per cent.*
2. *The month-on-month decrease in the Non-Food group was contributed by Transport 3.9 per cent; Recreation and Culture 1.3 per cent; and Communication 0.1 per cent. The decline for Transport was primarily due to the decrease in air fares. On the other hand, the increase in Food and Non-Alcoholic Beverages group was mainly caused by the increase in prices of Vegetables, Fish and Seafood, and Rice and Cereals.*
3. *For year-on-year changes, the CPI increased by 1.4 per cent compared to January 2022. The rise was driven by the increase in prices of Food and Non-Alcoholic Beverages, and Non-Food prices groups by 4.8 per cent and 0.6 per cent respectively.*
4. *The year-on-year increase in Food and Non-Alcoholic Beverages group was due to the rise in Meat 9.5 per cent; Rice and Cereals 6.6 per cent; and Fish and Seafood 5.6 per cent. The rise in Meat prices particularly chicken meat, was due to the rising cost of chicken feed. Meanwhile, the increase in Rice and Cereals was mainly due to the rising in raw material prices for cakes, pastries, and biscuits. Whereas, the rise in Fish and Seafood prices was mainly contributed by the increase in price of fresh prawns.*
5. *The price increase in Non-Food group was driven by the rise in prices of Miscellaneous Goods and Services 4.8 per cent; Restaurants and Hotels 4.4 per cent; and Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels 2.2 per cent.*
6. *The price of Miscellaneous Goods and Services category rose mainly due to the increase in the price of vehicle insurance influenced by the market prices of cars. Whereas, Restaurants and Hotels category increased due to the rise in price of contract catering services. Meanwhile, Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels category prices recorded an increase in accommodation rental rates.*

7. *The CPI is a measure of price changes of goods and services paid by the consumer in a specified period and compiled on a monthly basis. The list of goods and services in the CPI is based on the average expenditure per household from the Household Expenditure Survey (HES). The CPI full report for January 2023 is available from the DEPS website at <https://deps.mofe.gov.bn>.*



CONSUMER PRICE INDEX

JANUARY 2023

Month-on-Month

January 2023 / December 2022

0.7%

Year-on-Year

January 2023 / January 2022

1.4%

Main Contributors Year-on-Year

Food

4.8%

Meat

9.5%

Rice and Cereals

6.6%

Fish and Seafood

5.6%

Non-Food

0.6%

Restaurants and Hotels

4.4%

Miscellaneous Goods and Services

4.8%

Housing, Water, Electricity, Gas and Other Fuels

2.2%

Month-on-Month



Year-on-Year



Notes

- CPI measures the average change of prices of a fixed basket of goods and services paid by households in a certain period of time.
- Month-on-Month means to compare prices with the previous month.
- Year-on-Year means to compare prices with the same month in the previous year.